



Harian Melayu dengan nuasanya menulis mengatakan bahawa perjumpaan ulama membahas wang hasil *lottery* yang dianjurkan oleh Tengku ialah majlis muzakarah. Majlis muzakarah biasa ada perbahasan tetapi di sini tidak ada bahas, masing-masing menerangkan pendapatnya sahaja. Apakah ertinya ini? Mahu tahu tanya sama Damak dan sama Bajang!

* * *

Fatwa-fatwa daripada mufti-mufti Johor dan Terengganu dengan tegasnya mengatakan bahawa *lottery* itu haram - sesiapa yang menghalalkannya tidak syak ia kafir! Tetapi wang hasilnya halal kerana telah putus milik dan telah masuk dalam perbendaharaan kerajaan. Kalau *lottery* haram dan menjalankannya kafir – orang mahu bertanya mengapa mufti-mufti itu tidak menuntut supaya di Terengganu dan di Johor *lottery* diharamkan dijual? Jawabnya *wa Allāhu 'a'lam bi al-ṣawab wa ilaihi al-marji'u wa al-ma'ab.*

* * *

Mufti Selangor dengan tidak banyak cakap mengenai *lottery* di majlis perjumpaan memberi fikiran mengenai *lottery*, dengan tegasnya berkata: “Kalau barang yang asalnya haram maka kemudiannya pun tentu haram juga. Kerana itu janganlah di cari-cari dalih hendak menghalalkan yang haram itu” sambil menyebut janganlah beliau dimasukkan

kepada golongan itu. Benar tuan mufti: Putar belit tidak perlu kalau di hulu sudah keruh, masakan di hilirnya hening. Janganlah hendaknya melemahkan gigi daripada lidah dalam perkara yang mengenai hukum Tuhan!

* * *

Tuan Haji Ismail Qadi Singapura dalam ucapannya berkenalan-kenalan dengan penuntut Islam di Universiti Singapura dikatakan berkata bahawa Islam itu banyak bahagiannya berusaha, berumahtangga, kerja-kerja masyarakat dan sebagainya. Ibadat adalah salah satu sahaja daripada sebahagian yang banyak itu. Orang mendengar telah mengertikan bahawa nampaknya ibadat itu adalah sebahagiannya sahaja daripada yang banyak padahal orang-orang tau bahawa ibadat ialah asas atau tiang agama. Kalau banyak pun usaha-usaha lain tidak beribadat kepada tuhan tentunya tidak diterima jasanya. Apakah ini yang dituju oleh beliau – *wa Allāh 'a'lam* tetapi harus ia melemahkan penuntut-penuntut kita yang kurang mengerti dalam hal ini.

* * *

Orang-orang Islam bersyukur mempunyai seseorang pemimpin sebagai Tengku Abdul Rahman kerana beliau mengambil berat dalam perkara-perkara agama supaya kasi orang kepada beliau lebih-lebih lagi maka diharap supaya di dalam usaha-usaha beliau dijaga kebersihannya kerana menaja Masjid Negara di ibu kota salah satu daripada usaha beliau, maka diharap benar beliau menapis supaya tidak ada di dalam binaan masjid itu tercampur wang-wang syubhah sebab tidak ada ertinya masjid bagus dan cantik kalau orang-orang Islam ragu-ragu atas kebersihannya mudah-mudahan Tengku berlebih takwa dalam menjalankan usaha ini.

- Cemeti al-Farouk